

Pendidikan Bahasa Arab di Prasekolah: Metodologi, Isu, dan Cabaran di Selangor

(Arabic Language Education in Preschool: Methodology, Issues, and Challenges in Selangor)

Norfaezah Mohd Hamidin^{1*}, Yaakob Hasan¹, Adnan Mat Ali¹
Roslinda Ramli², Nor Hanieza Isa³

¹ Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia

² Fakulti Multimedia Kreatif dan Komputeran, Universiti Islam Selangor, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia

³ Fakulti Pendidikan, Universiti Islam Selangor, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia

* Pengarang Koresponden: norfaezah@uis.edu.my

Received: 26 October 2024 | Accepted: 20 December 2024 | Published: 31 December 2024

DOI: <https://doi.org/10.55057/ijares.2024.6.5.17>

Abstrak: Pendidikan prasekolah memainkan peranan penting dalam pembentukan asas pendidikan kanak-kanak. Dalam konteks negeri Selangor, pengenalan bahasa Arab dalam silibus prasekolah bertujuan untuk mempersiapkan kanak-kanak dengan kemahiran bahasa yang diperlukan dalam pendidikan agama dan budaya. Jurnal ini membincangkan metodologi yang digunakan dalam pengajaran bahasa Arab di prasekolah, termasuk pendekatan pedagogi, strategi pengajaran, dan cabaran yang dihadapi oleh pendidik.

Kata kunci: Pendidikan Prasekolah, Bahasa Arab, Metodologi, Selangor

Abstract: Preschool education plays an important role in the formation of the foundation of children's education. In the context the state of Selangor, the introduction of Arabic in the preschool syllabus aims to prepare children with the language skills needed in religious and cultural education. This journal discusses the methodologies used in teaching Arabic in preschools, including pedagogical approaches, teaching strategies, and challenges faced by educators.

Keywords: Preschool Education, Arabic Language, Methodology, Selangor

1. Pengenalan

Pendidikan prasekolah adalah fasa penting dalam pembelajaran awal kanak-kanak. Di Malaysia, khususnya di Selangor, penguasaan bahasa Arab menjadi semakin penting, terutamanya untuk pendidikan agama. Dalam konteks masyarakat berbilang bangsa dan agama, pengenalan awal kepada bahasa Arab bukan sahaja membantu kanak-kanak memahami asas agama, tetapi juga memperluas perspektif budaya mereka. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka metodologi yang digunakan dalam pengajaran bahasa Arab serta isu dan cabaran yang dihadapi oleh pendidik.

Di Selangor, terdapat pelbagai jenis prasekolah, termasuk tadika kerajaan yang menawarkan pendidikan secara percuma atau dengan yuran rendah, tadika swasta dengan kurikulum yang

beragam, dan tadika Montessori yang mengutamakan pembelajaran melalui pengalaman. Selain itu, tadika Islam memberi tumpuan kepada pendidikan berlandaskan agama, sementara tadika antarabangsa menawarkan kurikulum yang diiktiraf di peringkat global. Tidak ketinggalan, tadika khas disediakan untuk anak-anak dengan keperluan khusus, memberikan pilihan yang luas kepada ibu bapa.

Tadika-tadika Islam seperti Dzul Iman, Little Caliphs, Genius Aulad, PASTI, Islamic Montessori, prasekolah di bawah negeri Selangor, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) menjadi pilihan ibu bapa pada masa kini kerana kesedaran ibubapa yang tinggi terhadap pendidikan Islam. Pendidikan peringkat awal kanak-kanak sangat penting untuk membina karakter yang kuat melalui asas agama yang kuat untuk membantu anak-anak dapat membezakan yang baik dan buruk, dan membuat keputusan yang bijak sepanjang hayat mereka, selain membina hubungan dengan Allah melalui pendidikan Islam terawal seperti memperkenalkan konsep-konsep seperti solat, puasa, dan menghormati orang lain. Ini secara tidak langsung membantu anak-anak membina hubungan peribadi dengan Allah. Pendidikan agama adalah pelaburan untuk masa depan, bukan setakat di dunia, pendidikan agama adalah pelaburan untuk di akhirat. Memberi anak-anak pengetahuan tentang Islam penting sejak dari usia dini. Oleh itu, penting untuk mengetahui cara pendidikan Islam dengan metodologi yang betul dalam memupuk kefahaman Islam melalui bahasa Arab kepada anak-anak usia dini.

Dalam pelaksanaan metodologi pembelajaran awal kanak-kanak, pendekatan berasaskan aktiviti menjadi sangat penting. Ini melibatkan penglibatan aktif kanak-kanak melalui permainan dan penceritaan. Penggunaan media dan teknologi juga menjadi elemen penting, di mana bahan visual dan aplikasi interaktif membantu kanak-kanak memahami bahasa dengan lebih baik. Pembelajaran secara bermain mendorong mereka untuk belajar dalam suasana yang menyeronokkan.

Walaupun terdapat banyak metodologi yang berkesan, cabaran tetap wujud. Kekurangan sumber dan bahan pengajaran berkualiti sering menjadi halangan. Di samping itu, kemahiran guru dalam mengajar bahasa Arab juga perlu dipertingkatkan. Terdapat juga isu mengenai minat dan motivasi kanak-kanak, terutama jika pembelajaran tidak dilakukan dengan cara yang menarik. Perbezaan latar belakang pelajar memerlukan pendekatan yang lebih inklusif, dan tidak semua prasekolah mempunyai akses kepada teknologi yang diperlukan. Ketidakkonsistenan dalam kurikulum turut menjadi masalah, di samping kurangnya penglibatan ibu bapa dalam proses pembelajaran.

Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa pendidikan bahasa Arab di prasekolah di Selangor memerlukan perhatian terhadap pendekatan pengajaran, penglibatan ibu bapa, penggunaan teknologi, dan konsistensi dalam kurikulum. Peningkatan kualiti pendidikan bahasa Arab di peringkat prasekolah adalah penting untuk memastikan penguasaan bahasa yang baik di kalangan kanak-kanak. Oleh itu, kerjasama antara pihak sekolah, kerajaan, dan masyarakat diperlukan untuk meningkatkan pendidikan ini, demi manfaat semua kanak-kanak.

Beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan pendidikan prasekolah bahasa Arab iaitu pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di prasekolah oleh Ahmad, M. (2020) adalah tentang cabaran dan peluang dalam pengajaran bahasa Arab di prasekolah. Ia menekankan pentingnya metodologi yang berkesan serta keperluan untuk menyediakan bahan pengajaran yang sesuai untuk kanak-kanak. Kajian pendidikan bahasa Arab dan kecerdasan pelbagai oleh Zainuddin, A. (2019) adalah tentang bagaimana pendekatan berdasarkan kecerdasan pelbagai dapat diaplikasikan dalam pengajaran bahasa Arab di peringkat prasekolah. Hasil kajian

menunjukkan bahawa pengajaran yang disesuaikan dengan gaya pembelajaran individu dapat meningkatkan penglibatan kanak-kanak. Peranan ibu bapa dalam pembelajaran bahasa Arab oleh Noor, S. (2021) adalah tentang bagaimana penglibatan ibu bapa dalam pendidikan bahasa Arab di prasekolah dapat mempengaruhi perkembangan bahasa anak. Ia mendapati bahawa sokongan ibu bapa adalah penting untuk menambah motivasi dan penguasaan bahasa Arab.

Penggunaan teknologi dalam pengajaran bahasa Arab oleh Rahman, A. (2022) adalah tentang kesan penggunaan alat teknologi dalam pengajaran bahasa Arab di prasekolah. Hasilnya menunjukkan bahawa penggunaan aplikasi dan alat bantu mengajar digital dapat memperbaiki proses pembelajaran dan menarik minat kanak-kanak. Kurikulum dan pengajaran bahasa Arab di prasekolah oleh Ibrahim, L. (2019) mendedahkan tentang ketidakkonsistenan dalam kurikulum bahasa Arab di prasekolah. Ia mencadangkan perlunya kurikulum standard yang dapat diadaptasi oleh institusi prasekolah untuk memastikan pengajaran yang lebih berkesan. Cabaran dalam pengajaran bahasa Arab untuk kanak-kanak oleh Siti Aishah, R. (2020) adalah tentang cabaran yang dihadapi oleh pendidik dalam mengajar bahasa Arab kepada kanak-kanak prasekolah. Ia mencadangkan strategi untuk meningkatkan penglibatan kanak-kanak dan memudahkan proses pembelajaran.

2. Metodologi Pengajaran Bahasa Arab di Prasekolah

2.1 Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Aktiviti

Pendekatan pembelajaran berasaskan aktiviti menekankan penglibatan aktif kanak-kanak melalui pelbagai jenis aktiviti seperti permainan, nyanyian, dan penceritaan. Menurut Ahmad (2020), pendekatan ini bukan sahaja menjadikan pembelajaran lebih menarik, tetapi juga meningkatkan pemahaman dan penguasaan bahasa Arab di kalangan kanak-kanak. Aktiviti-aktiviti ini direka untuk memudahkan kanak-kanak berinteraksi dengan bahasa dalam konteks yang menyeronokkan dan tidak menakutkan.

2.2 Penggunaan Media dan Teknologi

Dalam era digital, penggunaan media visual dan teknologi pendidikan telah menjadi komponen penting dalam pengajaran. Aplikasi interaktif dan bahan visual seperti video dan gambar membantu kanak-kanak memahami konsep dan kosa kata dengan lebih baik. Noor (2021) menggariskan bahawa penggunaan teknologi dapat menarik perhatian kanak-kanak dan menjadikan pembelajaran lebih dinamik. Media digital juga membolehkan pembelajaran yang lebih fleksibel, di mana kanak-kanak dapat mengakses bahan ajar pada bila-bila masa.

2.3 Pembelajaran Secara Bermain

Konsep pembelajaran melalui bermain diakui sebagai salah satu kaedah yang paling efektif untuk kanak-kanak prasekolah. Melalui permainan berkonsepkan bahasa Arab, kanak-kanak dapat belajar dalam suasana yang santai dan menyeronokkan. Siti Aishah (2020) menekankan bahawa pendekatan ini bukan sahaja membantu dalam penguasaan bahasa tetapi juga dalam pengembangan kemahiran sosial dan emosi. Oleh itu, pengintegrasian elemen permainan dalam pengajaran bahasa Arab adalah penting untuk mencipta persekitaran pembelajaran yang positif.

3. Teori dan Strategi Pengajaran Bahasa Arab Prasekolah

Teori pembelajaran memainkan peranan penting dalam pengajaran bahasa Arab di prasekolah. Teori konstruktivisme, contohnya, menekankan bahawa kanak-kanak membina pengetahuan melalui pengalaman. Teori pembelajaran sosial juga relevan, di mana kanak-kanak belajar

melalui pemerhatian dan peniruan. Selain itu, pendekatan berdasarkan kecerdasan pelbagai dapat disesuaikan dengan gaya pembelajaran individu, sementara pendekatan komunikatif mengutamakan penggunaan bahasa dalam situasi sebenar. Teori behaviorisme menekankan pembelajaran melalui penguatan, dan pendekatan bermain menyediakan suasana yang santai untuk belajar.

Strategi pengajaran bahasa Arab prasekolah boleh dijalankan melalui penggunaan lagu dan muzik seperti mengajarkan kosa kata dan frasa melalui lagu anak-anak dalam bahasa Arab. Muzik dapat meningkatkan daya ingatan dan membuat pembelajaran lebih menarik. Selain itu, pengenalan bahasa Arab melalui cerita bergambar dengan menggunakan buku cerita bergambar untuk memperkenalkan kosa kata dan struktur kalimat boleh diaplikasikan dalam pengajaran bahasa. Cerita yang menarik dapat membantu anak memahami konteks penggunaan bahasa. Permainan interaktif juga boleh dijalankan dengan aktiviti permainan seperti teka-teki, main peranan, dan kartun gambar dapat membuat pembelajaran lebih menarik. Visualisasi dan alat peraga menggunakan gambar, poster, dan alat peraga juga sesuai untuk mempelajari kosa kata bahasa Arab. Anak-anak cenderung lebih mudah mengingat maklumat yang disampaikan secara visual. Aktiviti harian dengan mengintegrasikan bahasa Arab dalam rutin sehari-hari, seperti memberi arahan dalam bahasa Arab atau menyebutkan nama-nama benda di sekitar mereka juga menggalakkan mereka dalam perkembangan mempelajari bahasa baru sejak usia dini. Selain itu, kegiatan kreatif melibatkan anak-anak dalam kegiatan seni dan komitmen yang berkaitan dengan budaya Arab seperti membuat kaligrafi atau menggambar simbol-simbol Arab. Pembelajaran berasaskan projek dengan mengadakan projek sederhana yang melibatkan bahasa Arab, seperti membuat poster tentang budaya Arab atau menyusun pembentangan kelompok tentang tradisi tertentu.

Berdasarkan strategi di atas, mengajarkan bahasa Arab kepada kanak-kanak prasekolah haruslah berlaku secara semulajadi untuk penyediaan pemerolehan bahasa berbanding pembelajaran bahasa dan melibatkan pelbagai metod. Kombinasi antara teori yang tepat dan strategi yang menarik dapat membantu anak dalam mengembangkan kemampuan bahasa mereka dengan cara yang efektif dan menyenangkan.

4. Isu dan Cabaran dalam Pendidikan Bahasa Arab di Prasekolah

Isu dan cabaran pendidikan bahasa Arab prasekolah di Selangor melibatkan beberapa aspek penting:

4.1 Kekurangan Sumber

Salah satu isu utama yang dihadapi oleh institusi prasekolah adalah kekurangan sumber dan bahan pengajaran yang berkualiti. Banyak tadika tidak mempunyai akses kepada bahan yang sesuai untuk menarik minat kanak-kanak dalam pembelajaran bahasa Arab. Ibrahim (2019) mencadangkan bahawa kekurangan sumber ini boleh menjejaskan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Kebanyakan pengajaran di dalam kelas berdasarkan kreativiti dan usaha guru itu sendiri dalam mendidik kanak-kanak prasekolah dengan bahasa Arab. Oleh itu, usaha perlu dilakukan untuk menyediakan sumber yang mencukupi dan relevan untuk pendidikan bahasa Arab.

4.2 Kemahiran Guru

Kekurangan latihan khusus bagi pendidik dalam pengajaran bahasa Arab juga merupakan cabaran yang signifikan. Ramai guru tidak mempunyai kemahiran yang mencukupi untuk mengajar bahasa Arab secara berkesan, yang boleh menjejaskan kualiti pengajaran (Zainuddin,

2019). Latihan berterusan dan program pembangunan profesional perlu dilaksanakan untuk memastikan guru dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran terkini dalam pengajaran bahasa Arab. Guru yang mengajar bahasa Arab di prasekolah adalah bukan guru terlatih dalam bidang pendidikan awal bahasa Arab dan mereka adalah orang yang sama mengajar semua subjek prasekolah.

4.3 Perbezaan Latar Belakang Pelajar

Kanak-kanak yang datang dari latar belakang berbeza mungkin mempunyai tahap pendedahan yang berbeza terhadap bahasa Arab. Ini memerlukan pendekatan pengajaran yang lebih inklusif dan responsif terhadap keperluan individu setiap pelajar. Ahmad (2020) menyatakan bahawa pendidikan yang berjaya perlu mengambil kira latar belakang sosial dan budaya pelajar untuk memastikan penguasaan bahasa yang optimum.

4.4 Penglibatan Ibu Bapa

Penglibatan ibu bapa dalam proses pembelajaran bahasa Arab sering kali kurang. Ibu bapa yang tidak mempunyai latar belakang dalam bahasa Arab mungkin menghadapi kesulitan untuk menyokong pembelajaran anak mereka di rumah. Noor (2021) mendapati bahawa sokongan ibu bapa adalah penting untuk meningkatkan motivasi dan penguasaan bahasa. Oleh itu, program kesedaran dan pendidikan untuk ibu bapa mengenai pentingnya bahasa Arab perlu diperkenalkan.

4.5 Minat dan Motivasi Kanak-kanak

Terdapat cabaran dalam membangkitkan minat kanak-kanak terhadap bahasa Arab. Jika pembelajaran tidak dijalankan dengan cara yang menyeronokkan, kanak-kanak mungkin tidak bersemangat untuk belajar.

4.6 Penggunaan Teknologi

Walaupun teknologi boleh membantu dalam pembelajaran, ada prasekolah yang tidak mempunyai akses kepada alat teknologi yang diperlukan, menjadikan pengajaran lebih sukar.

4.7 Bahasa Arab tidak digunakan sebagai Bahasa Komunikasi Utama di Tadika

Penggunaan bahasa Arab bukan tujuan untuk komunikasi, tidak seperti bahasa Inggeris yang menjadi bahasa medium di tadika-tadika Islam seperti Genius Aulad dan Montessori. Sedangkan bahasa Arab perlu menjadi bahasa medium untuk tadika-tadika Islam yang menjadi pilihan ramai ibu bapa masa kini kerana kaitan bahasa Arab dengan pendidikan Islam terutama dalam pendidikan awal kanak-kanak. Metodologi pengajaran yang tidak berfokuskan komunikasi sedangkan pada peringkat awal umur kanak-kanak, mereka perlu lebih banyak berkomunikasi berbanding membaca dan menulis. Pengabaian aspek mendengar dan bertutur semasa pengajaran bahasa Arab peringkat prasekolah akan mengakibatkan keciciran penguasaan bahasa Arab dalam usia kanak-kanak yang membolehkan mereka boleh diterapkan dengan pelbagai jenis bahasa komunikasi pada usia antara 4 hingga 6 tahun, tidak tertentu kepada bahasa ibunda mereka, bahasa Melayu semata-mata.

4.8 Masa pengajaran bahasa Arab yang terhad

Masa pengajaran bahasa Arab juga agak terhad kerana pengajarannya melibatkan sekali seminggu di sesetengah prasekolah dengan jam yang terhad dan pengajaran juga tidak melibatkan keseluruhan anak-anak prasekolah, kecuali PASTI yang banyak menekankan aspek hafalan kosa kata dan semua umur prasekolah iaitu 4 hingga 6 tahun.

4.9 Kurikulum yang Tidak Konsisten

Tiada kurikulum bahasa Arab yang standard untuk prasekolah di Selangor, menyebabkan ketidakkonsistenan dalam pengajaran dan pembelajaran. Ini disebabkan setiap agensi mempunyai matlamat, tanggapan, orientasi, keutamaan dan kemampuan yang berbeza-beza khususnya dalam penggunaan bahasa pengantar, kurikulum, latihan ikhtisas, kelayakan akademik cikgu, gaji guru, penempatan murid, dan kemudahan-kemudahan asas juga adalah penyumbang kepada faktor dalam menentukan objektif pembelajaran bahasa Arab di prasekolah. Objektif ditentukan oleh agensi yang mengendalikan prasekolah tersebut. Ini menyebabkan ketidakseragaman kurikulum antara tabika KEMAS di bawah kerajaan persekutuan, tadika negeri di bawah JAIS, manakala tadika-tadika Islam swasta lain mengikut pengelola masing-masing.

Menghadapi cabaran-cabaran ini memerlukan kerjasama antara pihak sekolah, kerajaan, dan masyarakat untuk memastikan pendidikan bahasa Arab di prasekolah dapat ditingkatkan dan memberikan manfaat kepada semua kanak-kanak.

5. Cadangan Penyelesaian

Untuk mengatasi isu dan cabaran dalam pendidikan bahasa Arab di prasekolah, beberapa langkah perlu diambil:

5.1 Penyediaan Sumber yang Mencukupi

Kerajaan dan pihak berkepentingan perlu memastikan bahawa prasekolah mempunyai akses kepada bahan pengajaran yang berkualiti. Ini termasuk buku, alat bantu mengajar, dan teknologi pendidikan.

5.2 Latihan Guru yang Berterusan

Program latihan dan pembangunan profesional bagi guru perlu diperkenalkan untuk memastikan mereka mempunyai kemahiran yang diperlukan untuk mengajar bahasa Arab secara berkesan dan penggunaan optimum dengan menggunakan ungkapan-ungkapan mudah bahasa Arab ketika berkomunikasi dengan kanak-kanak prasekolah.

5.3 Pendekatan Pengajaran yang Inklusif

Pendekatan pengajaran perlu disesuaikan dengan keperluan dan latar belakang kanak-kanak. Ini termasuk penggunaan pelbagai kaedah pengajaran dan penilaian untuk memenuhi keperluan individu.

5.4 Meningkatkan Penglibatan Ibu Bapa

Program-program yang melibatkan ibu bapa dalam proses pembelajaran perlu diperkenalkan untuk meningkatkan sokongan di rumah. Ini boleh dilakukan melalui bengkel, seminar, dan sesi interaksi yang memberikan pendedahan kepada ibu bapa mengenai pengajaran bahasa Arab.

Tadika-tadika Islam atau prasekolah yang ditubuhkan untuk pendidikan Islam haruslah mengutamakan penggunaan bahasa Arab sebagai medium dalam menerapkan pendidikan Islam dengan mewujudkan suasana yang kondusif dengan memaparkan penggunaan kalimah-kalimah Arab di tempat premis masing-masing dan menggalakkan guru menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa komunikasi di samping bahasa Inggeris.

6. Kesimpulan

Pendidikan bahasa Arab prasekolah di Selangor menghadapi pelbagai cabaran yang memerlukan perhatian dan penyelesaian segera. Walaupun terdapat pelbagai metodologi yang berkesan, isu seperti kekurangan sumber, latihan guru, dan penglibatan ibu bapa perlu ditangani. Kerjasama antara pihak sekolah, kerajaan, dan masyarakat adalah penting untuk memastikan pendidikan bahasa Arab yang berkualiti dan berkesan bagi kanak-kanak prasekolah.

Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Islam Selangor kerana memberikan sokongan untuk kajian ini.

Rujukan

- Ahmad, M. (2020). Pengajaran Bahasa Arab di Prasekolah: Cabaran dan Peluang. *Jurnal Pendidikan Prasekolah*, 5(1), 12-20.
- Ibrahim, L. (2019). Kurikulum dan Pengajaran Bahasa Arab di Prasekolah. *Jurnal Pendidikan*, 8(2), 45-60.
- Noor, S. (2021). Inovasi dalam Pendidikan Prasekolah: Aplikasi Teknologi. *Jurnal Pendidikan dan Teknologi*, 3(2), 34-45.
- Rahman, A. (2022). Penggunaan Teknologi dalam Pengajaran Bahasa Arab di Prasekolah. *Jurnal Pengajian Bahasa Arab*, 6(1), 25-35.
- Siti Aishah, R. (2020). Cabaran dalam Pengajaran Bahasa Arab untuk Kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Anak*, 4(3), 78-85.
- Zainuddin, A. (2019). Metodologi Pengajaran Bahasa di Peringkat Awal. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti.
- .